

Headline	Semarakkan sikap suka berbudi lahir lebih ramai manusia berhati emas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	25	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	442 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,418



Semarakkan sikap suka berbudi lahir lebih ramai manusia 'berhati emas'



SELEPAS menyelesaikan urusan di bilik air sebuah pusat beli belah di Selayang, tiba-tiba kunci kereta tergelincir dari poket seluar dan meluncur laju memasuki lubang tandas. Terkesima seketika, tidak tahu apa yang harus dilakukan. Terbayanglah pisang setandan dalam but kereta dan beg pakaian sekeluarga untuk bermalam di rumah mentua. Sekiranya kunci itu gagal diambil bermakna, tersadailah kereta di situ untuk sekurang-kurangnya sebulan kerana bagi mendapatkan kunci yang lain, mengambil masa sebulan untuk diproses di negara asal kereta dikeluarkan.

Sedang penulis terpinga-pinga, masuklah seorang pekerja, pemuda Bangladesh untuk mencuci bilik air. Penulis menghalangnya daripada mencuci bilik air yang baru digunakan. Dia bertanya dan terkejut dengan jawapan yang penulis berikan. Kelihatan cemas pemuda itu mencari jalan untuk membantu. Termenung dia dalam beberapa saat. Akhirnya dia meminta penulis menunggu di situ.

Tidak lama selepas itu, dia datang membawa alat penyedut hampagas yang besar dan mula memasukkan saluran penyedut ke lubang tandas dan menghidupkan motor alat itu. Dalam beberapa saat selepas itu, perlahan-lahan dia menarik semula saluran penyedut ke luar dan kelihatanlah segumpal kunci kereta penulis di mulut saluran. Wajah pemuda itu berseri-seri kerana berjaya membantu, apatah lagi penulis. Rasa syukur yang tidak terhingga.

Sebagai tanda menghargai bantuannya, penulis menyelitkan sekeping wang kertas ketika bersalaman dengannya, tetapi dia menolaknya dengan bersungguh-sungguh, namun penulis tetap meminta dia mengambilnya. Tidak lama kemudian, pemuda Bangladesh itu datang kembali dan melangkah sebahagian besar nilai wang diberikan, sebaliknya dia ha-

nya mengambil RM10. Walaupun penulis beriya-ya memberinya semula, beliau tetap enggan menerima. Dalam pemikiran penulis, walaupun kita tahu, pekerja asing yang datang ke negara ini adalah untuk mengumpul sebanyak mungkin wang, namun dengan hati emas yang dimiliki, mereka tidak mengambil kesempatan untuk kepentingan sendiri walaupun peluang itu terbuka di hadapan mata.

Rozita, seorang pembaca mencatatkan pengalamannya menyertai khidmat masyarakat ketika menuntut di Maktab Perguruan Perempuan Melaka pada 1982. Sebagai anak Johor Bahru, penga-

laman menjadi anak angkat Pak Hashim seorang penoreh getah di Jasin amat menggembirakannya. Sikapnya yang ramah, rajin membimbing anak kampung serta keterujaannya menoreh getah (sehingga merosakkan pokok getah) dan membanting padi di bendang, menjadikannya peserta kesayangan penduduk kampung. Janji untuk kembali berkunjung ke rumah keluarga Pak Hashim dilafazkan pada majlis perpisahan. Namun, Rozita sering menanggukahkan hasratnya untuk berkunjung disebabkan kesibukan tugas dan sebagainya. Pak Hashim dan isteri pula sering menghubungi Rozita dengan bersusah payah menggunakan telefon awam hanya untuk bertanya khabar anak angkatnya itu.

Beberapa hari sebelum Ramadan 2000, Rozita menghubungi Pak Hashim dan berjanji akan mengunjunginya pada Aidilfitri. Pak Hashim sekeluarga sangat gembira kerana akan menemui kembali anak angkat kesayangan, selepas 18 tahun terpisah. Beliau pun merancang untuk membuat persia-

pan menyambut kunjungan Rozita dan keluarga. Namun, ajal maut ketentuan Tuhan, selang beberapa hari pada Ramadan, Pak Hashim meninggal dunia. Tidak mampu berkata apa-apa, melainkan rautan kesal Rozita yang sering menanggukahkan pertemuan dengan keluarga angkat yang berhati emas, berbudi mengajarnya erti kehidupan. Hatinya bertambah sebak apabila melihat jenazah Pak

Hashim ditutupi dengan kain pelekak dan batik yang beliau hadiahkan pada 1982 itu.

Satu malam sebulan yang lalu, seorang sahabat, Firdaus yang dalam perjalanan dari LCCT ke Nilai, mengalami masalah dengan kereta yang sedang dipandunya. Tiba-tiba saja enjin keretanya mengalami kerosakan lalu beliau memberhentikan keretanya di tepi lebuhraya. Malam yang gelap ditambah pula hujan renyai-renyai sangat merebahkan Firdaus. Lebih malang, telefon bimbitnya tidak boleh digunakan. Beliau cuba menahan kenderaan yang melintasi tempat itu untuk meminta bantuan, namun tiada siapa yang sanggup berhenti dalam suasana sedemikian.

Selepas hampir 45 minit berusaha meminta bantuan, sebuah kereta berhenti di belakang keretanya yang rosak. Keluarlah sepasang orang muda berbangsa Cina. Firdaus menerangkan apa yang berlaku dan gadis Cina itu segera menyerahkan payung yang digunakannya kepada Firdaus yang sudah basah kuyup, sebaliknya beliau berkongsi payung dengan pasangannya. Pemuda itu meminjamkan telefon bimbitnya kepada Firdaus untuk menghubungi kakaknya yang tinggal di Nilai. Kira-kira setengah jam kemudian, selepas kakak Firdaus sampai, barulah pemuda dan gadis Cina itu meninggalkannya. Firdaus amat terharu dan terhitung budi dengan pasangan yang berhati emas itu.

Pada Ogos lalu, kita dikejutkan dengan siaran di YouTube mengenai seorang pelajar Malaysia, Mohd Asyraf Raziq dipukul dan dirompak oleh perusuh di London, ketika beliau melintasi kawasan berkenaan selepas membeli juadah berbuka puasa. Selain keprihatinan rakyat Malaysia, sekumpulan penduduk London yang sangat tersentuh dengan insiden itu lalu mewujudkan sebuah laman sesawang dan merayu sumbangan kewangan untuk Asyraf. Hanya dalam beberapa hari, penganjur menerima £22,000 yang digunakan untuk membiayai penerbangan ibu bapa Asyraf ke London, rawatan perubatan, menggantikan basikal yang dirosakkan dan komputer


Headline	Semarakkan sikap suka berbudi lahir lebih ramai manusia berhati emas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	25	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	442 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,418

yang dirompak oleh perusuh. Meskipun di kota London, hati emas masih dimiliki penduduknya yang sangat pelbagai itu.

Di sebalik riuh rendah tahap kemanusiaan yang sudah semakin menggelongsor ke bawah, pengalaman peribadi dan ramai orang, kita masih menemui hati emas yang subur dalam pelbagai masyarakat dan kelompok manusia.

Kempen menyemarakkan nilai, hati budi dan kemanusiaan harus disemai secara berterusan bukan saja dalam kalangan generasi muda dan pelajar sekolah tetapi juga kalangan orang dewasa, supaya merekalah yang harus mendahuluinya.

Penulis ialah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, UKM



Di sebalik riuh rendah tahap kemanusiaan yang sudah semakin menggelongsor ke bawah, pengalaman peribadi dan ramai orang, kita masih menemui hati emas yang subur dalam pelbagai masyarakat dan kelompok manusia. Kempen menyemarakkan nilai, hati budi dan kemanusiaan harus disemai secara berterusan bukan saja dalam kalangan generasi muda dan pelajar sekolah tetapi juga kalangan orang dewasa

